



# KOPI PAHIT

Alwi al-Hadi mengatakan Qalam ada menyarkan makalahnya padahal Qalam tidak ada pun menyiarkannya langsung. Nampaknya ia sudah masuk sekolah tinggi Qadiani, sebab orang-orang Qadiani kepala pendusta dan putar belitnya. Tuhan mensifatkan orang-orang semacam ini ialah *la 'natu Allāhu 'alā al-kādhibīn.*

\* \* \*

Musaddad mengatakan bahawa terhadap orang-orang yang menentang Islam, janganlah digunakan kekerasan dan pakai maki.

Terhadap orang baik-baik Pak Kiyai boleh digunakan cara itu, tetapi bagi orang-orang seperti ini mesti ingat bahawa manusia iblis tidak berkesan selain daripada dimaki. Maki pun Pak Kiyai bukan daripada pendapat orang tetapi daripada kitab mereka yang ditulis oleh orang gila. Dan adakah disetujui orang gila itu hendak dijadikan Nabi. *Subḥāna Allāh.*

Terhadap Qadiani dan langkahan orang-orang di sini Pak Kiyai Musaddad, janganlah cuba hendak memberi fatwa sebab orang-orang di sini tahu dan banyak menyimpan kitab-kitab Qadiani yang mengaku dirinya dengan berbagai akuan. Apakah terhadap orang-orang itu mesti lemah lembut dan dibuat seperti saudara? Tentanglah terhadap orang-orang kafir dan munafik – itulah ajaran al-Qur’ān. Kita yakin sekiranya negeri ini negeri Islam orang semacam paderi kecil Qadiani tentu lehernya telah dipancung dan orang yang bertimbang rasa kepadanya tentu akan dikurung – apa tidakkah begitu Kiyai? Lupakah Pak Kiyai tatkala datang dua orang utusan Musaylamah al-Kadhdhāb kepada Nabi Muḥammad (S.A.W.) yang pada ketika itu Rasulullah bertanya kepada mereka “Adakah kamu mengakui Rasulullah? Kemudian utusan itu bertanya

kepada Rasulullah “Adakah tuan mengakui bahawa Musaylamah itu Rasulullah juga?” Maka ketika itu Rasulullah bersabda “Andaikata kamu kedua ini bukan utusan nescaya aku bunuh kamu kedua.”

\* \* \*

Syaranan Kiyai Musaddad tatkala membawa falsafah takbir mengatakan, bahawa di dalam takbir itu termasuk dua cara kehormatan: orang-orang Barat mengangkat tangan kanannya kerana memberi hormat dan orang-orang Komunis baik di Timur atau di Barat memberi tabiknya dengan tangan kiri. Dengan itu maka terboronglah kehormatan itu di dalam takbir atau sembahyang Islam. *Lā ḥawla wa lā quwwata illā billāh!* Takbir ditunjukkan oleh Muḥammad (S.A.W.), Komunis belum ada benihnya sekalipun. Demikian juga orang-orang Barat. Adakah di dalam menghadap Allah ada falsafah seperti ini. Sekali lagi *subḥāna Allāh.*

\* \* \*

Melihat falsafah Musaddad di dalam takbir ini – orang-orang lalu teringat akan peristiwa orang-orang Nahdatul Ulama di Indonesia, yang ia seorang pemimpinnya, telah sebatik dan terus-menerus bekerjasama dengan orang-orang Komunis. Apakah ini sebagai langkah yang pertama untuk mempengaruhi umat Islam di sini supaya bekerjasama dengan orang Komunis seperti yang dibuat oleh Nahdatul Ulama di Indonesia, lalu membawa falsafah takbir bahawa takbir itu ada kehormatan seperti kehormatan Komunis? *Mā sha'a Allāh* Pak Kiyai.

\* \* \*

Dengan peristiwa ini teringatlah kami kepada riwayat Pak Kiyai menceritakan suatu hadis yang maksudnya: Barangsiapa yang bersalaman dan bersalaman dan bersalaman kepada Rasulullah adalah ia terjamin masuk syurga. Saya, katanya, adalah bersalaman dengan orang yang bersalaman dengan orang yang bersalaman dengan Rasulullah. Dengan ini banyaklah orang yang datang cium tangan Kiyai, berebut-rebut kerana berharap untuk masuk syurga, setelah mencium tangan Pak Kiyai. Adakah ini Pak Kiyai telah menentukan bahawa ia telah tetap masuk syurga? Apakah tidak payah beramal lagi? Di mana ia bercakap – tanyalah kepada